



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

USM

IPPT

INSTITUT PERUBATAN & PENGIKLAN TERMAJU


UNIT PERUBATAN TRANSFUSI



PENGENALAN

Unit perubatan transfusi (UPT) adalah salah satu unit yang diletakkan di bawah Makmal Diagnostik Termaju.

Unit ini diwujudkan pada tahun 2010 dan telah mendapat akreditasi MS ISO 15189.



Unit ini bertanggungjawab dalam ujian mengenalpasti jenis darah, memproses dan menjalankan ujian saringan darah serta memastikan bekalan darah mencukupi untuk kegunaan pesakit. Unit ini juga menawarkan perkhidmatan pemindahan darah dan juga komponen darah yang telah diuji mengikut keperluan pesakit. Ini adalah penting untuk memastikan keserasian dan keselamatan darah / komponen darah penerima terhadap darah pesakit setelah transfusi dilakukan.

KRITERIA ASAS (seorang penderma darah)

- Sihat
- Berumur 18-65 tahun
- Berat badan 45kg keatas
- Tahap haemoglobin sekurang-kurangnya 12.5g/dl

KRITERIA LAIN

- Elakkan minuman beralkohol dalam masa 24 jam sebelum menderma darah.
- Tidak mengambil sebarang ubat antibiotic dalam masa 2 minggu sebelum menderma darah.
- Tidak menerima sebarang vaksinasi dalam masa 3 minggu sebelum menderma darah.
- Tidur sekurang-kurangnya 5 jam.
- Tidak hamil
- Boleh menderma darah selepas 3 hari haid.
- Tidak menyusukan anak dengan susu ibu
- Menetap di Malaysia sekurang-kurangnya selama 1 tahun (bagi bukan warganegara Malaysia)

Anda tidak boleh menderma darah pada hari pendermaan darah atau SEMENTARA WAKTU sahaja , sekiranya anda : -

- Demam
- Mengambil minuman beralkohol hingga memabukkan dalam masa 24 jam sebelum menderma darah.
- Telah menerima sebarang vaksinasi dalam masa 3 minggu sebelum menderma darah.
- Tidur kurang 5 jam.
Hamil dan datang haid(1-3 hari).
- Menyusukan anak dengan susu ibu.
- Telah menjalani pembedahan dalam masa 6 bulan sebelum menderma darah.
- Telah menerima rawatan gigi dalam masa 24 jam sebelum menderma darah.
- Telah menindik telinga, bertatu, atau akupunktur dan berbekam dalam masa 6 bulan sebelum menderma darah.
Menetap di Malaysia kurang dari 1 tahun (bagi bukan warganegara Malaysia)



Anda dilarang untuk menderma darah sekiranya anda PERNAH TERLIBAT , walaupun sekali dalam aktiviti-aktiviti seperti berikut

- **Bertukar - tukar pasangan seks atau mengamalkan aktiviti seks rambang**
- **Melanggani pekerja seks/pelacur**
- **Mengamalkan hubungan sejenis (homoseksual)**
- **Mengambil dadah secara perkongsian jarum suntikan**



UNIT PERUBATAN TRANSFUSI

**INSTITUSI PERUBATAN &
PERGIGIAN TERMAJU ,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA,
BERTAM ,13200 KEPALA BATAS,
PULAU PINANG**

TEL : 04-5622700